



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.600-8/2/12 Jld. II (35)  
Tarikh : 4 Ogos 2023

**Semua Pengarah Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBrs. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN AUTONOMI PENGETUA BAGI PROSES  
RAYUAN KEMASUKAN LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA KE PUSAT  
TINGKATAN ENAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memberikan peluang kepada murid meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. KPM mengambil maklum bahawa masih terdapat murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berminat untuk mengikuti pengajian di pusat tingkatan enam tetapi tidak memenuhi syarat tawaran.

3. Sehubungan dengan itu, KPM akan melaksanakan pemberian autonomi kepada pengetua bagi meluluskan rayuan kemasukan ke pusat tingkatan enam mulai tahun 2023 seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan pada 13 Julai 2023. Langkah ini membolehkan pengetua mempertimbangkan dan membuat tawaran terus kepada murid berpotensi yang mengemukakan rayuan untuk menyambung pengajian ke pusat tingkatan enam tanpa perlu menunggu tawaran dari KPM.

4. Bersama-sama ini disertakan Panduan Pelaksanaan Autonomi bagi Proses Rayuan Kemasukan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia ke Pusat Tingkatan Enam Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai rujukan kepada pengetua pusat tingkatan enam serta pegawai di pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN) dan bahagian KPM.

...2/-

5. YBrs. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dikehendaki mengambil tindakan untuk memastikan semua pengetua pusat tingkatan enam dan pegawai yang bertanggungjawab bawah pentadbiran YBrs. Datuk/Dato'/tuan/puan memahami dan mematuhi panduan yang disertakan dalam semua urusan berkaitan pelaksanaan autonomi ini.

Sekian. Terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**PANDUAN PELAKSANAAN AUTONOMI PENGETUA BAGI  
PROSES RAYUAN KEMASUKAN LEPASAN SIJIL PELAJARAN  
MALAYSIA KE PUSAT TINGKATAN ENAM KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2023**

## ISI KANDUNGAN

1.	Latar Belakang	1
2.	Objektif	1
3.	Tafsiran	1
4.	Syarat Kelulusan Rayuan Berasaskan Autonomi	2
4.1.	Syarat Am	2
4.2.	Syarat Khas	2
	a. Bidang Sains	2
	b. Bidang Sains Sosial	3
	c. Bidang Sains Sosial (Agama)	5
5.	Proses Kerja	6
7.	Pelaksanaan	7
8.	Tarikh Kuat Kuasa	8
9.	Penutup	8
	LAMPIRAN 1	9
	BORANG RAYUAN KHAS	9
	LAMPIRAN 2	11
	Contoh surat bagi murid yang diluluskan rayuan	11
	LAMPIRAN 3	12
	Contoh surat bagi murid yang diluluskan rayuan	12

## 1. Latar Belakang

- 1.1. Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pengetua pusat tingkatan enam serta pegawai di pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN) dan bahagian KPM.
- 1.2. Pemberian autonomi ini adalah terpakai kepada semua pengetua pusat tingkatan enam bagi urusan rayuan sahaja.
- 1.3. Autonomi pengetua pusat tingkatan enam ini akan membantu dalam mempromosikan pendidikan tingkatan enam di samping meningkatkan enrolmen di institusi tersebut.
- 1.4. Pemberian autonomi ini juga memberikan peluang kedua kepada lepasan SPM yang tidak mendapat tawaran menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

## 2. Objektif

Panduan ini bertujuan untuk:

- 2.1. Memastikan pemberian autonomi kepada pengetua pusat tingkatan enam difahami oleh semua pihak; dan
- 2.2. Memastikan proses rayuan yang dilaksanakan di peringkat institusi berjalan dengan lancar dan mengikut prosedur.

## 3. Tafsiran

Berikut adalah tafsiran bagi terma yang digunakan dalam panduan ini:

- 3.1. **Pengarah JPN** merujuk kepada ketua jabatan bagi sesebuah jabatan pendidikan negeri (JPN) yang bertanggungjawab ke atas pengurusan institusi pendidikan.
- 3.2. **Autonomi** merujuk kepada kuasa yang diberikan kepada pengetua pusat tingkatan enam untuk membuat keputusan yang diketahui dan

tidak dipaksa.

- 3.3. **Pengetua** merujuk kepada ketua jabatan bagi institusi yang menawarkan pendidikan di tingkatan enam.
- 3.4. **Kolej tingkatan enam** merujuk kepada institusi pendidikan yang menawarkan pengajian tingkatan enam sepenuhnya.
- 3.5. **Pusat tingkatan enam** merujuk kepada institusi pendidikan yang menawarkan pengajian tingkatan enam di arus perdana
- 3.6. **Jawatankuasa rayuan** merujuk kepada kelompok individu yang dilantik oleh ketua jabatan pusat tingkatan enam sebagai panel bagi mempertimbang dan meluluskan permohonan rayuan.
- 3.7. **Panel rayuan** merujuk kepada kumpulan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga pentadbir dan dua guru tingkatan enam.

#### **4. Syarat Kelulusan Rayuan Berasaskan Autonomi Pengetua**

##### **4.1. Syarat Am**

- a. **Layak** memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- b. Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian** bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.
- c. Berumur antara **17 hingga 21 tahun** pada 1 Januari tahun semasa.
- d. **Warganegara Malaysia.**
- e. Tidak menerima sebarang tawaran kemasukan ke tingkatan enam.
- f. Markah Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan Kokurikulum (PAJSK) sekurang-kurangnya **50** peratus.

##### **4.2. Syarat Khas**

###### **a. Bidang Sains**

Mendapat sekurang-kurangnya **dua kepujian** dengan jumlah

mata gred **tidak melebihi 18 unit** bagi 3 mata pelajaran daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Matematik/Matematik Tambahan.
- Fizik.
- Kimia.
- Biologi.
- Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/ Reka Cipta/ Pengajian Agroteknologi/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal.

#### **b. Bidang Sains Sosial**

Lepasan SPM yang memperoleh **21 mata unit dan ke atas** bagi mata pelajaran sains tulen (Kimia, Biologi, Fizik, Matematik Tambahan), tetapi memperoleh **18 mata unit dan ke bawah** bagi mata pelajaran kemanusiaan boleh dipertimbangkan untuk kemasukan ke bidang Sains Sosial.

Mendapat sekurang-kurangnya **dua kepujian** dengan jumlah mata gred tidak melebihi **18 mata unit** bagi 3 mata pelajaran daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Inggeris/ Kesusasteraan Melayu Komunikatif
- Sejarah.
- Geografi/ Pendidikan Seni Visual.
- Pendidikan Muzik/ Lukisan/ Sejarah dan Pengurusan Seni/ Seni Halus 2D/ Seni Halus 3D/ Reka bentuk Grafik/ Multimedia Kreatif/ Reka Bentuk Kraf/ Reka Bentuk Industri/

Produksi Seni Persembahan/ Alat Muzik Utama/ Muzik Komputer/ Aural dan Teori/ Tarian/ Koreografi Tari/ Apresiasi Tari/ Lakonan/ Penulisan Skrip/ Sinografi.

- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral.
- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Prinsip Perakaunan.
- Sains/ Sains Tambahan.
- Pembinaan Domestik/ Kerja Paip Domestik/ Pendawaian Domestik/ Kimpalan Arka dan Gas/ Menservis Automobil/ Menservis Motosikal/ Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/ Menservis Peralatan Elektrik Domestik/ Rekaan dan Jahitan Pakaian/ Katering dan Penyajian/ Pemprosesan Makanan/ Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/ Landskap dan Nurseri/ Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/ Tanaman Makanan/ Produksi Multimedia/ Pembuatan Perabot/ Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut/ Gerontologi Asas dan Geriatrik/ Produksi Reka Tanda/ Hiasan Dalaman/ Reka Bentuk Grafik Digital.
- Tasawwur Islam/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Usul Al-Din/ Al-Syariah.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.
- Bahasa Cina/ Bahasa Tamil/ Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab/ Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah/ Bahasa Iban/ Bahasa Kadazandusun/ Bahasa Punjabi/ Kesusasteraan Tamil/ Kesusasteraan Cina/ Bible Knowledge/ Bahasa Semai.
- Pengajian Keusahawanan/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Asas

Kelestarian/ Pertanian/ Ekonomi/ Perniagaan.

**c. Bidang Sains Sosial (Agama)**

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred E** dalam mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab dan

Mendapat sekurang-kurangnya **dua kepujian** dengan jumlah mata gred tidak melebihi **18 unit** bagi 3 mata pelajaran daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Inggeris/ Kesusasteraan Melayu Komunikatif.
- Sejarah.
- Geografi/ Pendidikan Seni Visual/ Pendidikan Muzik/ Lukisan/ Sejarah dan Pengurusan Seni/ Seni Halus 2D/ Seni Halus 3D/ Reka bentuk Grafik/ Multimedia Kreatif/ Reka Bentuk Kraf/ Reka Bentuk Industri/ Produksi Seni Persembahan/ Alat Muzik Utama/ Muzik Komputer/ Aural dan Teori/ Tarian/ Koreografi Tari/ Apresiasi Tari/ Lakonan/ Penulisan Skrip/ Sinografi.
- Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral.
- Matematik/ Matematik Tambahan.
- Prinsip Perakaunan.
- Pembinaan Domestik/ Kerja Paip Domestik/ Pendawaian Domestik/ Kimpalan Arka dan Gas/ Menservis Automobil/ Menservis Motosikal/ Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/ Menservis Peralatan Elektrik Domestik/ Rekaan dan Jahitan Pakaian/ Katering dan Penyajian/ Pemprosesan Makanan/ Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/ Landskap dan Nurseri/ Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/ Tanaman Makanan/ Produksi Multimedia/

Pembuatan Perabot/ Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut/ Gerontologi Asas dan Geriatrik/ Produksi Reka Tanda/ Hiasan Dalaman/ Reka Bentuk Grafik Digital.

- Sains/ Sains Tambahan.
- Tasawwur Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Usul Al-Din.
- Hifz Al-Quran/ Maharat Al-Quran.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/ Al-Syariah.
- Bahasa Arab/ Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/ Turath Dirasat Islamiah/ Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/ Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Pengajian Keusahawanan/ Sains Sukan/ Sains Rumah Tangga/ Sains Komputer/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Ekonomi/ Perniagaan.

4.3. Permohonan rayuan kemasukan ke tingkatan enam di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu serta bagi kelas yang menawarkan mata pelajaran Tahfiz Al-Quran kekal menggunakan syarat sedia ada.

## 5. Proses Kerja

- 5.1. Murid membuat permohonan dengan mengisi **Borang Rayuan Khas (Lampiran 1)**. Borang boleh diperolehi dari pusat tingkatan enam.
- 5.2. Borang rayuan yang lengkap diisi perlu dihantar ke institusi pilihan.
- 5.3. Pengetua menubuhkan jawatankuasa rayuan di peringkat pusat tingkatan enam bagi mempertimbangkan permohonan rayuan yang diterima.

- 5.4. Jawatankuasa memproses permohonan rayuan berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Kelulusan boleh diberi berdasarkan kepada kekosongan tempat di pusat tingkatan enam.
- 5.5. Pengetua pusat tingkatan enam perlu mengeluarkan surat pemakluman keputusan rayuan kepada semua pemohon.
- 5.6. Murid yang diluluskan rayuan perlu melapor diri di pusat tingkatan enam mengikut tarikh yang dimaklumkan dalam surat tawaran. Kelulusan permohonan rayuan khas akan terbatal sekiranya murid tidak melaporkan diri dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.7. Proses kerja bagi pelaksanaan autonomi ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta alir di **Lampiran 4**.

## **6. Tempoh Rayuan**

- 6.1. Tempoh permohonan rayuan melalui autonomi pengetua dibuka mulai **7 hingga 17 Ogos 2023**.
- 6.2. Jawatankuasa perlu memproses permohonan rayuan bermula **7 hingga 18 Ogos 2023**.
- 6.3. Surat keputusan rayuan perlu dikeluarkan kepada semua pemohon selewat-lewatnya pada **18 Ogos 2023**.
- 6.4. Murid melapor diri pada **20 Ogos 2023** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan **21 Ogos 2023** bagi sekolah dalam negeri kumpulan B.

## **7. Pelaksanaan**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan agar Panduan Pelaksanaan Autonomi Pengetua bagi Proses Rayuan Kemasukan Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia ke Pusat Tingkatan Enam Tahun 2023 dirujuk dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat supaya pelaksanaannya lancar dan teratur.

## **8. Tarikh Kuat Kuasa**

Pelaksanaan Autonomi Pengetua bagi Proses Rayuan Kemasukan Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia ke Pusat Tingkatan Enam Tahun 2023 berkuat kuasa mulai tarikh surat makluman ini dikeluarkan.

## **9. Penutup**

Panduan Pelaksanaan Autonomi Pengetua bagi Proses Rayuan Kemasukan Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia ke Pusat Tingkatan Enam Tahun 2023 ini hendaklah menjadi rujukan kepada pengetua pusat tingkatan enam serta pegawai di PPD, JPN dan bahagian KPM dalam melaksanakan proses rayuan kemasukan murid ke tingkatan enam.

-Tamat-

## LAMPIRAN 1

### BORANG RAYUAN KHAS

<p><b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</b></p> <p>BORANG RAYUAN KHAS</p> <p><input type="checkbox"/> TOLAK TAWARAN UNIVERSITI AWAM/IPTA/IPTS</p> <p><input type="checkbox"/> TIADA PENAWARAN</p> <p><input type="checkbox"/> LAIN-LAIN: .....</p>	<p style="text-align: center;"><b>KEGUNAAN PUSAT TINGKATAN ENAM</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 20%;">NO. RUJUKAN</td> <td colspan="3"></td> </tr> <tr> <td>GRED B.M</td> <td colspan="3"></td> </tr> <tr> <td>KELULUSAN</td> <td style="text-align: center;">YA</td> <td colspan="2" style="text-align: center;">TIDAK</td> </tr> <tr> <td>BIDANG DILULUSKAN</td> <td style="text-align: center;">SAINS</td> <td style="text-align: center;">SAINS SOSIAL</td> <td style="text-align: center;">SAINS SOSIAL (AGAMA)</td> </tr> <tr> <td>TANDATANGAN PELULUS DAN CAP RASMI</td> <td colspan="3"></td> </tr> <tr> <td>TARIKH</td> <td colspan="3"></td> </tr> </table>	NO. RUJUKAN				GRED B.M				KELULUSAN	YA	TIDAK		BIDANG DILULUSKAN	SAINS	SAINS SOSIAL	SAINS SOSIAL (AGAMA)	TANDATANGAN PELULUS DAN CAP RASMI				TARIKH			
NO. RUJUKAN																									
GRED B.M																									
KELULUSAN	YA	TIDAK																							
BIDANG DILULUSKAN	SAINS	SAINS SOSIAL	SAINS SOSIAL (AGAMA)																						
TANDATANGAN PELULUS DAN CAP RASMI																									
TARIKH																									

#### 1. BUTIR-BUTIR PERIBADI

NAMA:			
NO. KAD PENGENALAN:			
WARGANEGARA:		JANTINA:	
TARIKH DAN TEMPAT LAHIR:		UMUR ( <i>PADA 01 JANUARI TAHUN SEMASA</i> )	
		TAHUN:	BULAN:
ALAMAT RUMAH:			TEL. RUMAH:
			TEL. BIMBIT:
POSKOD:	BANDAR:	NEGERI:	

#### 2. MAKLUMAT SEKOLAH DAN AKADEMIK

NAMA DAN ALAMAT SEKOLAH TERAKHIR (TINGKATAN 5):																
TAHUN BERADA DI TINGKATAN PERALIHAN (JIKA BERKAITAN):																
TAHUN SPM DIAMBIL: _____  <b>SILA SERTAKAN SALINAN</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. SLIP SPM</li> <li>2. KAD PENGENALAN</li> <li>3. SIJIL KELAHIRAN</li> <li>4. SIJIL BERHENTI SEKOLAH</li> <li>5. BIL UTILITI</li> </ol>	KEPUTUSAN: 4 MATA PELAJARAN TERBAIK <table style="width: 100%; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%;"></th> <th style="width: 60%;">MATA PELAJARAN</th> <th style="width: 30%;">GRED</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>_____</td> <td>_____</td> </tr> </tbody> </table>		MATA PELAJARAN	GRED	1.	_____	_____	2.	_____	_____	3.	_____	_____	4.	_____	_____
	MATA PELAJARAN	GRED														
1.	_____	_____														
2.	_____	_____														
3.	_____	_____														
4.	_____	_____														

**3. PILIHAN PUSAT TINGKATAN ENAM DAN BIDANG**

NAMA PUSAT TINGKATAN ENAM	
PILIHAN BIDANG	*SAINS / SAINS SOSIAL / SAINS SOSIAL (AGAMA)

*(CATATAN: KELULUSAN TERTAKLUK KEPADA KEKOSONGAN TEMPAT)*

Tandatangan pemohon:

.....  
NAMA:  
TARIKH:

## LAMPIRAN 2

### Contoh surat bagi murid yang diluluskan rayuan

Ruj. kami :

Tarikh :

Nama: **XXX**

No. Kad Pengenalan: **XXX**

Saudara/Saudari,

### KEPUTUSAN RAYUAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2023

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa saudara/saudari telah ditawarkan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2023 seperti ketetapan berikut:

- |     |                      |                                       |
|-----|----------------------|---------------------------------------|
| 2.1 | Bidang ditawarkan    | <b>Sains Sosial (Agama)</b>           |
| 2.2 | Pusat Tingkatan Enam | <b>Kolej Tingkatan Enam Shah Alam</b> |
| 2.3 | Tarikh Melapor Diri  | <b>7 Ogos 2023</b>                    |
| 2.4 | Pakaian              | <b>Formal</b>                         |

3. Keputusan rayuan ini adalah muktamad. Kegagalan melapor diri pada tarikh yang ditetapkan dianggap menolak tawaran. **Tawaran ini terbatal serta-merta jika murid berstatus bukan warganegara Malaysia.**

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan tawaran ini, sila berhubung dengan **(nama kolej/pusat tingkatan enam yang ditawarkan)**

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
Nama:

Cap Jawatan:

Tarikh:

### LAMPIRAN 3

#### Contoh surat bagi murid yang tidak diluluskan rayuan

Ruj. kami :

Tarikh :

Nama: **XXX**

No. Kad Pengenalan: **XXX**

Saudara/Saudari,

#### KEPUTUSAN RAYUAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2023

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan rayuan saudara/saudari ke Tingkatan Enam Semester 1 tahun 2023 tidak dapat dipertimbangkan atas sebab berikut:

2.1 Tidak layak Sijil Pelajaran Malaysia

2.2 Tidak memperoleh kepujian dalam Bahasa Melayu

2.3 Melebihi had umur yang ditetapkan

2.4 Telah menerima tawaran Pusat Tingkatan Enam yang lain

2.5 Tidak memperoleh minimum markah PAJSK yang ditetapkan

2.6 Tidak memperoleh minimum 2 kepujian bagi kelompok mata pelajaran sains atau sains sosial

2.7 Mata unit melebihi jumlah yang ditetapkan


3. Keputusan ini adalah muktamad berdasarkan keputusan Jawatankuasa Rayuan Kemasukan ke Tingkatan Enam tahun 2023.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan tawaran ini, sila berhubung dengan **(nama kolej/pusat tingkatan enam yang ditawarkan)**

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
Nama:

Cap Jawatan:

Tarikh:

## LAMPIRAN 4

### Carta Alir Panduan Pelaksanaan Autonomi Pengetua Bagi Proses Rayuan Kemasukan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia Ke Pusat Tingkatan Enam Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2023

